

26 NOV 1999

DR MAHATHIR TIBA UNTUK LAWATAN KE TERENGGANU

KUALA TERENGGANU, 26 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan singkat ke Terengganu.

Ketibaan beliau di lapangan terbang Sultan Mahmud di sini disambut oleh Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob dan para pegawai kerajaan negeri.

Dr Mahathir dijadual merasmikan majlis letak batu asas pembesaran lapangan terbang Kuala Terengganu.

Beliau akan berlepas ke Kota Baharu sebelum solat Jumaat untuk meneruskan lawatan ke Kelantan.

-- BERNAMA

GM AKD